

PRINT HARIAN METRO - "Satisfaction Guaranteed. Hard Rock Hotel Penang Offers Assorted, Menu This Special Season" (Publication Date: 20 May 2017)

Rudy Syareme Sheriffudin
am@hmetro.com.my

PASTI TERLIUR

■ **HRHPP tawar pelbagai menu berbuka puasa**

Hotel Hard Rock Pulau Pinang (HRHPP) memperkenalkan juadah istimewa cukup sempoi untuk berbuka puasa kepada pengunjung bermula 5 hingga 23 Jun depan.

Bertemakan A *STARRY & ROCKIN' FEAST*, ia menampilkan pelbagai masakan tempatan untuk bufet Bintang Rock di Starz Diner.

Bermula pada harga RM88 bersih untuk dewasa dan RM48 bersih untuk kanak-kanak, ia menampilkan pelbagai pilihan pembuka selera termasuk ste-sen kebab dan masakan Arab.

Pengurus Pemasaran dan Komunikasi HRHPP, Angeline Chen berkata, untuk juadah pembuka selera, pihaknya menyediakan sotong kangkung, cucur udang, popiah dan pasembor.

Beliau berkata, menu lain termasuk sup ekor, soto ayam berempah dan ayam masak Thai dengan kelapa dan serai, sup kambing be-



ANTARA hidangan menarik di HRHPP.

rempah dan bubur lambuk.

"Bagi cita rasa Arab, HRHPP tampil Braised Lamb Shank yang dimakan bersama nasi dan pastinya nasi kandar, lamb chop, daging masala dan air asam.

"Turut mencuri perhatian ialah kambing tandori, kebab ayam, daging dan kambing serta kambing kofta, selain pencuci mulut seperti ais kacang, bubur cha cha

dan pelbagai aneka jenis kuih," katanya.

Bufet Bintang Rock disajikan setiap hari kecuali Sabtu dari jam 6.30 petang hingga 10.30 malam manakala Sabtu disajikan *Seafood On The Rock* khas dengan harga RM99 bersih.

HRHPP turut menawarkan pakej penginapan *Relax*

FAKTA
Harga ditawarkan
RM88 bersih untuk
dewasa dan RM48
bersih untuk
kanak-kanak

& *Feast* bermula dari RM450++ semalaman serta hidangan bersahur seawal jam 4 pagi hingga 5.30 pagi atau sarapan dari jam 6.30 pagi hingga 11 pagi untuk dua dewasa dan dua kanak-kanak.

Hubungi 04-8868 057 atau e-mel fb.penang@hardrockhotels.net atau 04-8811 711 atau e-mel reservations.penang@hardrockhotels.net untuk pertanyaannya dan tempahan.